

Sengketa hanya dianggap perbalahan dalam keluarga

SINGAPURA: Sengketa Asean-Australia mengenai soal Kampuchea dianggap oleh semua pihak sebagai perbalahan dalam keluarga yang tidak mungkin menjejaskan hubungan rapat mereka di bidang politik, ekonomi dan keselamatan.

Tetapi, sengketa itu menimbulkan syak tentang dasar Australia terhadap Kampuchea untuk menghancurkan harapan Australia menjadi orang tengah antara Vietnam dengan negara-negara Asean.

Ini juga mengeruhkan hubungan Australia dengan Singapura bila para Menteri luar masing-masing melancarkan kesopanan diplomatik dan terang-terang menyelar satu sama lain. Akhbar-akhbar Asean dan Australia turut mencampurinya makalanya para pegawai tinggi diplomatik kedua-dua pihak cuba mententangkan suasana.

Sengketa itu sampai ke ketenteranya hujung minggu lalu bila Singapura mengirimi perutusan diplomatik ke Canberra sebagai menjawab bantahan Australia negara itu cuba mengarahkannya mengubah sikapnya mengenai Kampuchea. Perutusan itu menuduh

Australia membuat kenyataan melulu dan tidak adil, taktik yang tidak sepatutnya timbul terhadap negara itu dan juga Asean.

Sengketa itu meletup bulan lalu bila Australia enggan mengajurkan bersama usul Asean mengenai soal Kampuchea di Perhimpunan Agung Bangsa-Bangsa Bersatu dengan alasan ia tidak mahu dikatakan menyokong Khmer Rouge sokongan Peking itu.

Khmer Rouge adalah anggota terkemuka dalam kerajaan campuran Kampuchea sokongan Asean yang menentang kira-kira 180,000 askar penduduk Vietnam di negara mereka.

Tidak senang

Australia, berserta banyak lagi negara lain, menuduh pemimpin Khmer Rouge, Pol Pot, bertanggungjawab terhadap kematian beratus ribu rakyat Kampuchea ketika berkuasa di negara itu dari 1975 hingga 1979.

Walaupun Australia mengundi usul itu, Asean menuduh Canberra mengubah dasarnya mengenai Kampuchea dan menunda sementara dialog tahunan peringkat rasminya dengan Australia.

Para Menteri Luar Asean berunding di Jakarta minggu lalu untuk membincangkan isu itu dan berkata sebarang keputusan untuk menyambung dialog itu bergantung pada penjelasan Perdana Menteri Australia, Bob Hawke, ketika membuat lawatan tiga hari ke Thailand mulai 19 November ini.

Selepas sidang itu, Menteri Luar Singapura, Suppliah Dhanabalan memberitahu para pemberita, Menteri Luar Australia, Bill Hayden, mengalah kepada Vietnam.

Hayden memberitahu Parlimen Australia, bahawa kenyataan Dhanabalan itu menyakitkan hati dan menuduh Singapura cuba mengafakkan dasarnya mengenai Kampuchea.

Kerajaan Australia kemudian memanggil kelima-lima duta negara Asean untuk menyatakan rasa tidak senangnya. Nota bantahan khas disampaikan kepada Pesuruhjaya Tinggi Singapura.

Nota Australia itu tidak disiarkan, tetapi, Kementerian Luar Singapura mengeluarkan jawapannya, dengan berkata ia berbuat demikian kerana perkara itu sudah menjadi kontroversi umum.

Tetapi, para pegawai di sini berkata, "reaksi" Singapura itu tidak bermakna hubungan kedua negara akan retak. Menurut mereka, ia hanya membayangkan kekecewaan terhadap apa yang mereka anggap perubahan mendadak dasar Australia mengenai Kampuchea.

Australia adalah antara "teman berdialog" Asean dan setiap tahun dipelawa berunding dengan para Menteri Luarnya. Teman dialog Asean yang lain ialah Amerika Syarikat, Kanada, New Zealand, Britain, Masyarakat Eropah dan Jepun.

Menurut para pegawai itu lagi, kerajaan baru Australia sahlah faham akan kebimbangan

Asean, memandangkan keselamatan di rantau ini.

Bagaimanapun, para diplomat Australia pun berkata, Asean gagal memahami kebebasan Australia terhadap Pol Pot. Mereka menyatakan terkejut Asean menyelar Australia sekalipun mereka telah menyokong usul mengundurkannya tertera Vietnam serta membenarkan Kampuchea menentukan nasibnya sendiri.

Ancaman berlipik

Mereka menafikan dakwaan Singapura bahawa Canberra membuat ancaman berlipik untuk membatalkan bantuan projek-projek Australia kepada Asean. Kerajaan Australia bimbang rancangan bantuan itu boleh terjejas jika dialog Australia-Asean ditangguhkan lagi, kata mereka.

Menteri Luar Indonesia, Mochtar Kusumaatmadja, seperti juga para pemimpin Asean yang lain, berkata sengketa itu sudah melewati hadnya. Tetapi katanya, Australia tidak seharusnya cuba menjadi orang tengah dalam soal Kampuchea.

Menteri Luar Malaysia, Tan Sri Ghazali Shafie, berkata Asean mahukan Canberra menyokong penuh usulnya mengenai Kampuchea itu kerana "banyak dakwaan di Australia yang mengatakan mereka adalah sebahagian rantau ini."

Para pegawai Singapura dan Australia berkata, lawatan Hawke ke Bangkok dapat membuat menjerihkan suasana. — Reuter